

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]  
TARIKH : 11.6.2014  
SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. bilangan pelajar yang belajar di sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) dan (T) dan berikan pecahan pelajar mengikut kaum masing-masing; dan
- b. nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi setiap pelajar untuk setiap bulan di sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Secara keseluruhannya pecahan murid yang merangkumi murid dari peringkat prasekolah hingga tahun 6 mengikut kaum adalah seperti berikut :
  - i) Bilangan murid **Bumiputera** di Sekolah Kebangsaan ialah seramai 2 102 537 orang dan **Bukan Bumiputera** ialah seramai 137 333 orang.
  - ii) Bagi SJKC bilangan murid **Bumiputera** ialah seramai 67 046 manakala bilangan murid **Bukan Bumiputera** ialah seramai 505 029.

- iii) Bagi SJKT bilangan murid **Bumiputera** ialah seramai 347 orang manakala bilangan murid **Bukan Bumiputera** ialah seramai 93 237.
- b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengagihkan peruntukan Bantuan Persekolahan sebanyak 25 jenis bantuan kepada semua sekolah dan pelajar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk setiap pelajar adalah berbeza berdasarkan kriteria mengikut kategori Bantuan Umum, Biasiswa dan Elaun serta Program Khas dan Murid Miskin. Jumlah peruntukan Bantuan Persekolahan yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	JUMLAH PERUNTUKAN BANTUAN PERSEKOLAHAN (RM)	
	2012	2013
<b>SK</b>	871,790,715.10	868,401,060.10
<b>SJKC</b>	85,360,105.00	85,536,199.00
<b>SJKT</b>	19,206,669.00	18,784,936.50